

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS AMANAT NAIB CANSOLOR DAN LAFAZ IKRAR MAHASISWA BAHARU
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SESI 2015/2016
PADA HARI KHAMIS, 3 SEPTEMBER 2015, PUKUL 10:00 PAGI
DI KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis;

Rakan-rakan saya,

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Yusoff,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Profesor Dr. Zulkifli Yaacob,
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Encik Abdul Rahman Haji Safie,
Pemangku Pendaftar;

Encik Zainuddin Othman,
Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,
Ketua Pustakawan;

Profesor-profesor, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Ahli-ahli Senat Universiti Malaysia Pahang;

Saudara Mohd Syafiq Mohd Ali,
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar,
dan barisan ahli MPP UMP;

Tuan-tuan dan puan-puan,
dan yang dikasihi serta diraikan,
para mahasiswa baharu Universiti Malaysia Pahang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA DAN MEMPERKENALKAN AHLI SENAT UMP

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat hadir untuk bertemu dengan mahasiswa baharu Universiti Malaysia Pahang pada pagi ini.

2. Pada kesempatan ini, saya dan pihak pengurusan Universiti ini ingin mengucapkan selamat datang kepada semua mahasiswa baharu UMP di peringkat program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma bagi sesi kemasukan 2015/2016.

3. *I would also like to take this opportunity to welcome our new international students, 28 of them, who have come from all over the world to study here. Thank you for choosing UMP as your higher education destination.*

4. Sejak hari pendaftaran pada 30 Ogos 2015 yang lalu, saudara dan saudari telah mengikuti pelbagai aktiviti dan pengisian yang diatur oleh pihak Universiti melalui Minggu Induksi Siswa (MINDS) bagi membantu proses transisi budaya dan penyesuaian persekitaran baharu sebagai mahasiswa.

5. Maka pada hari ini, saya berpeluang pula untuk bersemuka dengan saudara dan saudari untuk berkongsi fikiran dan pandangan saya sebagai seorang Naib Canselor dan ahli akademik berhubung aras kesiap-siagaan anda untuk mendepani cabaran hidup sebagai mahasiswa di Universiti.

6. Hal ini penting untuk ditekuni memandangkan anda sekalian merupakan kalangan individu bertuah yang terpilih untuk ditawarkan tempat pengajian di Universiti Awam dan kerana itulah saudara dan saudari berada di hadapan saya pada pagi ini.

7. Walaubagaimanapun, sebelum saya meneruskan lagi ucapan, sukalah saya memperkenalkan ahli-ahli Senat UMP, iaitu pihak berkuasa akademik tertinggi Universiti ini kepada mahasiswa baharu sekalian:

(Senarai lengkap Ahli Senat UMP yang hadir akan dikemukakan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Terima kasih.

GENERASI PENERUS KECEMERLANGAN

8. Saudara dan saudari sekalian,

Daripada 63,942 permohonan dari calon lepasan STPM, Matrikulasi dan setaraf, hanya 49,481 calon atau 77.38% telah diberikan peluang melanjutkan pengajian di Universiti Awam seluruh negara, termasuklah di UMP.

9. Bagi sesi kemasukan 2015/2016 ini, UMP mencatatkan jumlah penawaran kepada seramai 2,274 calon yang berkelayakan untuk program pengajian Sarjana Muda dan 300 calon mahasiswa untuk program Diploma.
10. Lebih membanggakan, UMP berjaya meningkatkan peratusan calon cemerlang yang layak ditawarkan tempat pengajian di sini. 72% calon yang mendaftar untuk program pengajian Sarjana Muda merupakan pelajar cemerlang yang memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) sekurang-kurangnya 3.0 di peringkat STPM, Matrikulasi dan setaraf.

11. Perkembangan ini membuktikan bahawa UMP sentiasa relevan dalam pasaran pengajian tinggi negara sebagai antara pilihan utama calon-calon cemerlang untuk melanjutkan pengajian, sebagaimana yang diaspirasikan melalui Pelan Strategik UMP 2011-2015.

12. Sesi kemasukan kali ini juga mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila UMP menerima kumpulan pertama mahasiswa yang merintis program Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan (*Business Engineering*) yang ditawarkan dengan kerjasama Reutlingen Universiti di Jerman.

13. Melihat ke hadapan, pihak pengurusan terus komited untuk menyediakan prasarana fizikal dan sarana kehidupan berkualiti yang memberi nilai tambah kepada pengalaman kampus dan kesejahteraan saudara dan saudari sepanjang pengajian di sini.

14. Dengan iklim pengajian tinggi yang semakin mencabar dan realiti pasaran pekerjaan yang semakin kompetitif, maka wajarlah saudara dan saudari meneliti tahap kesiap-siagaan mental dan fizikal dalam menentukan kecemerlangan aras prestasi sebagai seorang mahasiswa yang holistik di Universiti ini.

PENTERJEMAHAN DASAR PENDIDIKAN NEGARA

15. Saudara dan saudari,

Dalam membicarakan soal mahasiswa yang holistik dan seimbang, maka kita tidak dapat lari daripada melihat dasar sedia ada yang telah digariskan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan terkini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

16. Setiap daripada anda pada hari ini pastinya meletakkan hasrat untuk bergelar graduan setelah selesai pengajian di sini dalam tempoh tiga hingga empat tahun yang akan datang. Melihat keadaan pada hari ini dan mencerap masa hadapan, apakah kualiti sendiri dan tanda mutu anda sebagai bakal graduan UMP?
17. Secara umumnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dirumus sejak tahun 1988 lagi telah menghasratkan bahawa anda sekalian perlu memiliki keseimbangan empat kualiti JERI iaitu Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek.
18. Sifirnya mudah sekali; kesihatan tubuh badan akan menghasilkan emosi yang positif; dan emosi positif tersebut akan menatijahkan pula keluhuran jiwa, yang akhirnya membuahkan kesegaran minda dan intelektualisme.

MINDA KEUSAHAWANAN, MAHASISWA SEIMBANG

DAN GRADUAN HOLISTIK

19. Saudara dan saudara sekalian,

Menyedari peri pentingnya sistem pendidikan dalam membentuk sifat kemenjadian individu secara holistik ini, maka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 atau PPPM (PT) yang dilancarkan pada 7 April 2015 telah menggariskan perimeter dan wajaran bagi aspek ini.

20. Maka itu, daripada sepuluh lonjakan yang mengisi PPPM PT, Lonjakan Pertamanya ialah “Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang”. Lonjakan Pertama inilah yang berkait langsung dengan anda sekalian, dan menentukan juga kualiti sendiri anda selepas ini.

21. Melalui Lonjakan Pertama ini, UMP komited untuk memberikan peluang kepada anda sekalian sebagai mahasiswa untuk menikmati pendidikan holistik yang menjurus kepada enam atribut atau domain utama iaitu pertama, etika dan kerohanian; kedua, kemahiran memimpin; ketiga, identiti nasional; keempat, kemahiran bahasa; kelima, kemahiran berfikir; dan keenam, pengetahuan.
22. Ini bermakna, seseorang mahasiswa hanya boleh dikatakan sebagai seimbang pencapaiannya sekiranya keenam-enam atribut ini dikuasai sebaik mungkin, sekaligus menjadikannya graduan yang holistik.
23. Maka, satu kerangka pemikiran dan disiplin yang khusus perlu didakap oleh mahasiswa sekalian bagi mencapai penguasaan keenam-enam atribut ini sepanjang pengajian di sini.
24. Kerangka pemikiran dan disiplin ini menuntut anda untuk membina kelasakan minda, ketahanan fizikal dan kekentalan jiwa untuk berjati diri unggul dan terbilang.

25. Oleh sebab itulah, melalui Lonjakan Pertama PPPM PT ini, kerajaan berhasrat untuk menjana masyarakat berciri keusahawanan dengan sifat kelasakan, ketahanan dan kekentalan yang saya sebutkan tadi.
26. Ya, tidak semua individu akan berkerjaya sebagai usahawan. Namun, memiliki ciri, sikap, mentaliti dan disiplin seorang usahawan itu adalah nilai tambah kepada mana-mana individu dalam apa jua lapangan kerjaya.
27. Justeru penekanan secara strategik dan khusus telah diberikan oleh kerajaan melalui PPPM (PT) untuk memupuk minda keusahawanan (*entrepreneurial mindset*) dalam kalangan mahasiswa sekalian sebagai pemacu kemajuan tanah air masa hadapan.
28. Banyak dapatan yang boleh diperolehi daripada sorotan karya berhubung kupasan istilah *entrepreneurial mindset* ini. Umum menerima bahawa perkataan *entrepreneur* ini berakar umbi daripada kata kerja '*entreprendre*' (sebutan: *auntrö p̄rönd*) yang bermaksud 'perihal melaksanakan sesuatu' dalam Bahasa Perancis yang diguna pakai sejak kurun ke-13 lagi.

29. Walaubagaimanapun, penemuan terbaharu daripada kajian Roger Cowdrey (2012) merumuskan perkaitan istilah *entrepreneur* ini dengan perkataan '*anthaprerna*' dalam bahasa Sanskrit yang membawa maksud 'motivasi diri' (*self-motivation*). Sama ada perkaitan linguistik kedua-dua istilah ini berlaku secara kebetulan atau sebaliknya, saya percaya kita akur bahawa memang aspek *self-motivation* tersebut merupakan antara atribut utama minda keusahawanan.
30. Ini adalah sejajar dengan rangkaian atribut lain yang dicadangkan oleh ramai penulis, penyelidik dan cendikiawan bagi mencirikan minda keusahawanan iaitu memiliki wawasan jelas yang boleh dicapai (*a clear and achievable vision*), kesedaran sendiri (*self-awareness*), keyakinan (*confidence*), kesanggupan untuk mengambil risiko terhitung (*willingness to take calculated risks*), tidak gentar menghadapi kegagalan (*lack of fear of failure*) dan sanggup berusaha keras (*willingness to work hard*).

31. Menekuni rangkaian atribut yang disebutkan tadi, amat nyata bahawa ciri-ciri tersebut tidak hanya terpakai kepada para usahawan, tetapi juga relevan dalam kehidupan harian anda sebagai seorang mahasiswa, keberanian mengambil risiko dan menerima kegagalan

32. Mana mungkin anda berupaya memperolehi kejayaan cemerlang dan pencapaian seimbang tanpa mempersiapkan diri dengan wawasan masa hadapan, kesedaran, keyakinan serta kerja keras mulai sekarang. Sekiranya rangkaian atribut ini dapat dipegang dan diamalkan secara istiqomah, maka anda boleh dikatakan sebagai mahasiswa yang berminda keusahawanan.

33. Walaupun hal ini kedengaran enteng pada segelintir individu, namun dapatan daripada kajian yang telah dijalankan menyedarkan kita akan realiti yang amat membimbangkan berhubung kerangka pemikiran generasi muda Malaysia pada hari ini.

34. Laporan Pemantauan Keusahawanan Global (GEM – *Global Entrepreneurship Monitor*) terbitan Global Entrepreneurship Research Association yang berpangkalan di London pada tahun 2013 menunjukkan bahawa rakyat Malaysia adalah agak terkebelakang dalam konteks persepsi keusahawanan berbanding 11 negara rantau Asia Pasifik dan Asia Selatan yang terlibat dalam kajian tersebut.

35. Persepsi rakyat Malaysia berada pada tahap yang amat rendah iaitu berkedudukan antara tangga keenam hingga kesebelas dalam aspek kkuatir menghadapi kegagalan, kurang keupayaan diri, skeptik terhadap keterbukaan peluang dan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Dalam erti kata yang lain, aras kelasakan minda, ketahanan fizikal dan kekentalan jiwa generasi muda Malaysia untuk berdaya maju dengan minda keusahawanan masih lagi lemah dan rendah.

36. Justeru, mahasiswa yang patriotik tidak mungkin boleh bersenang hati dengan realiti tersebut. Dengan kesaksamaan peluang dan akses ke pengajian tinggi, adalah menjadi kewajipan tanggungjawab mahasiswa sekalian untuk membentuk minda baharu sebagai satu sumbangan untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam konteks ini. Kerajaan telah menyediakan ruang dan tempat ini buat anda, justeru kini, usahlah ditanya apakah bakti negara untuk kamu, tetapi tanyalah, apakah bakti kamu untuk negara?
37. Oleh sebab itulah, dalam semangat Lonjakan Pertama PPPM (PT) ini, saudara dan saudari akan mengikuti pengajian dan menjalani pengalaman kampus yang dipacu empat prinsip sepanjang tempoh di UMP iaitu; pertama, penjajaran konstruktif dalam reka bentuk, penyampaian dan pentaksiran kurikulum; kedua, pembelajaran melalui pengalaman; ketiga, pelajar terdidik dipacu nilai; dan keempat, sistem sokongan pembelajaran yang mampan.

38. Semua aspek *tangible* dan *intangibile* yang mendasari keempat-empat prinsip tersebut bertujuan menyediakan mahasiswa sekalian sebagai graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang sebagaimana yang dihasratkan.

39. Untuk itu, pencapaian akademik semata-mata tidak lagi menjadi ukuran tunggal kecemerlangan anda. Di bawah PPPM (PT), satu sistem Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) dengan matriks pengukuran baharu telah dibangunkan dan kini dalam peringkat pengujian di lima buah Universiti Awam seluruh negara.

40. Dalam hubungan tersebut, masanya akan tiba tidak berapa lama lagi di mana anda akan melalui sistem CGPA baharu yang menuntut bukan sahaja penguasaan akademik, tetapi juga kemahiran insaniah yang holistik dan seimbang meliputi aspek kemahiran berfikir dan budaya ilmu; kemahiran berbahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan satu bahasa global; jati diri kebangsaan; perpaduan negara; kepemimpinan; kemahiran menyelesaikan masalah; akhlak dan, penetapan minda dan kesediaan keusahawanan.

41. Maka, tiada lagi zon selesa, tiada lagi ruang *escapism* dan tiada lagi peluang untuk sekadar bersikap biasa-biasa (*mediocre*). Inilah masanya untuk mempertajam bakat dan menyerlahkan potensi dengan pro-aktif dan terarah dalam kerangka strategic PPPM (PT). Siapa cepat, dia dapat; siapa lambat, dia kecewa; siapa malas, hidupnya sia-sia.

AKAUNTIBILITI PERIBADI, PATRIOTISME DAN KEPRIHATINAN

42. Saudara dan saudari sekalian,

Kupasan berhubung minda keusahawanan dan keseimbangan graduan sebentar tadi dapat dirumuskan dengan tiga kata kunci iaitu akauntibiliti peribadi; patriotisme dan keprihatinan.

43. Sebagai seorang mahasiswa, anda akan belajar untuk memperkasa akauntibiliti peribadi, iaitu sifat kebertanggungjawaban terhadap setiap gerak-geri, tindak-tanduk dan keputusan yang dilakukan. Proses pengajian di universiti melatih anda sekalian untuk bijaksana berfikir sebelum bertindak dan membuat keputusan dengan akal yang matang.
44. Maka sebagai mahasiswa, anda bertanggungjawab penuh terhadap setiap tutur kata, penulisan dan tindakan anda. Dengan kebijaksanaan akal yang berfikir itulah juga anda berupaya pula untuk menjangka risiko, implikasi dan akibat jika tutur kata, penulisan atau tindakan itu bersifat cacat dan mudarat.
45. Maka pandangan alam (*worldview*) anda sebagai mahasiswa juga sewajarnya lebih lebar dan matang dengan turut memikirkan pihak lain yang mungkin turut terkesan daripada tutur kata, penulisan dan tindakan yang negatif dan kurang bijak tersebut.

46. Ini juga berkait rapat dengan soal patriotisme sebagai seorang warganegara Malaysia yang bertanggungjawab. Tanggungjawab patriotik ini bukan hanya terhad kepada mempertahankan negara. Tanggungjawab ini turut meliputi kebijaksanaan untuk menjangka masa hadapan tanah air dan kitaran generasi.
47. Ini bermakna, sekiranya pengajian anda dibiayai oleh pinjaman dana PTPTN, maka secara warasnya, *patriotic common sense* anda akan mengingatkan anda untuk membayar semula wang pembiayaan tersebut sebaik sahaja memulakan alam kerjaya selepas bergraduat kelak. Oleh kerana PTPTN ini dibiayai oleh dana awam, maka kegagalan membayar balik pinjaman akan menyulitkan generasi selepas anda untuk membiayai pengajian mereka pula. Bukankah ini satu pengkhianatan terhadap patriotisme?
48. Realiti tersebut membawa pula kita kepada kata kunci yang ketiga iaitu keprihatinan. Seorang mahasiswa yang seimbang dan holistik tidak hanya memikirkan kepentingan dirinya semata-mata, tetapi turut memikirkan untung nasib negara dan masyarakat di sekelilingnya.

49. Di sinilah kelak, anda belajar untuk memberi makna kepada apa yang disebut sebagai pengalaman kampus iaitu apa yang anda alami dan rasai bukan sahaja dalam makmal dan dewan kuliah, tetapi juga menghargai nilai kemanusiaan melalui gerak kerja libatsama masyarakat (*community engagement*) dan kesukarelawan.
50. Penyertaan dalam aktiviti kesukarelawan dan *community engagement* ini amatlah signifikan dalam konteks memupuk jiwa prihatin dalam diri anda. Universiti dan warganya bukan lagi kaku dan pegun sebagai menara gading yang eksklusif dan elitis, tetapi sebaliknya lebih merakyat kewujudannya.
51. Inilah falsafah yang diingin dibawa oleh UMP melalui gagasan 'Universiti Komuniti'. Dengan sifat prihatin anda, maka dari kampus ke lapangan umat, anda sekalian sebagai mahasiswa merupakan juribicara-jurubicara masyarakat. Di sinilah ilmu yang dipelajari di makmal dan dewan kuliah dapat diaplikasi dengan realistik dan praktikal berdasarkan keperluan masyarakat di peringkat akar umbi.

52. Maka sebagai kesimpulannya, tiga soalan berikut perlu diajukan kepada diri anda sendiri sebagai seorang mahasiswa UMP:

PERTAMA, bagaimanakah anda sekalian dapat menampilkan watak, sikap dan pemikiran yang siuman dan matang bagi melambangkan sifat pertanggungjawaban anda dalam setiap aspek kehidupan?

KEDUA, bagaimanakah status anda sebagai seorang mahasiswa dan bakal graduan menjentik satu kesedaran luhur untuk lebih mencintai tanah air dengan memberi khidmat sumbangan seupaya mungkin sebagai warganegara Malaysia yang patriotik?; dan

KETIGA, bagaimanakah tempoh pengajian anda selama enam hingga lapan semester ini dapat dimanfaatkan seoptimum mungkin sebagai warga yang prihatin melalui gerak kerja kesukarelawan yang mampu merasai denyut nadi masyarakat?

53. Mesej inilah juga yang ingin disampaikan dalam lagu 'Ilham Pujangga' dendangan Allahyarham Ismail Haron yang akan dipapar dan diperdengarkan kepada anda sekalian sebentar lagi.

HARAPAN, DOA DAN KATA PENUTUP

54. Saudara dan saudari,

Ikrar yang akan dilafazkan sebentar lagi memberi legitimasi kepada anda sebagai seorang warga UMP. Lafaz tersebut datang bersama tanggungjawab untuk ditunaikan kepada diri, keluarga, masyarakat dan tanah air.

55. Dalam kedewasaan usia anda kini sebagai generasi muda, maka wajarlah masa yang tersedia sebagai mahasiswa diisi dengan penuh makna, supaya hari ini lebih baik berbanding semalam, dan hari esok lebih baik dari hari ini.

56. Perjalanan sejauh seribu batu bermula dengan langkah pertama. Ini merupakan satu titik penting dalam perjalanan hidup anda, justeru lakarkanlah laluan kecemerlangan di sini untuk masa depan yang gemilang.

57. Masa begitu singkat untuk anda selepas ini. Selepas ini, saudara dan saudari akan mengikuti sesi perkuliahan dan latihan industri, sebelum layak digraduasikan.
58. Mereka yang sedar akan hakikat ini akan menginsafi bahawa tiada masa dan harapan untuk disia-siakan, justeru penuhilah dengan sebaiknya, dan janganlah kita kita tergolong sebagai manusia yang berada dalam kerugian.
59. Justeru, saya mendoakan semoga saudara dan saudari sekalian akan dilimpahkan kekuatan oleh Allah Ta'ala untuk mengharungi alam pengajian sebagai mahasiswa UMP yang istiqomah dan kental.
60. Dengan harapan, nasihat dan doa tersebut, kini saya bersedia mendengar dan menyaksikan lafaz ikrar daripada saudara dan saudari untuk menerima taraf sebagai pelajar berdaftar Universiti Malaysia Pahang. Selamat Maju Jaya.

Wabillahi taufiq walhidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.